

WACANA FALSAFAH ILMU: DINAMIKA DAN PERSPEKTIF. Oleh: Noor Hisham Md Nawi & Nurul Hudani Md Nawi. Penerbit: UMK. 2020. Halaman 253. ISBN: 978-967-0955-22-3

Buku ini merupakan hasil penulisan Dr. Noor Hisham Md Nawi dan Dr. Nurul Hudani Md Nawi yang digunakan sebagai koleksi rujukan dalam bidang Falsafah Ilmu. Buku ini mengandungi 12 bab dan boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama.

Bab satu dan dua merupakan pendahuluan yang membincangkan konsep-konsep asas dalam dunia perbahasan falsafah sepanjang sejarah pemikiran manusia. Bahagian ini menunjukkan gambaran awal tentang asas-asas falsafah sebagai ilmu asas sebelum perbincangan berkaitan lebih mendalam berkaitan dengan konsep ilmu dan falsafah itu sendiri. Falsafah yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu pencinta kebenaran mendorong manusia untuk memburu hakikat sesuatu serta mencari makna sebenar sesuatu sehingga jelas akan makna serta tujuannya. Adapun Falsafah Ilmu secara umumnya adalah pemikiran reflektif serta evaluatif terhadap kriteria ilmiah, analisis objektif serta etika dan falsafah atas landasan ilmiah.

Konsep falsafah tidak sama seperti ilmu pengetahuan. Falsafah terkandung di dalamnya kematangan pemikiran serta penelitian yang menyeluruh dalam mencari hakikat sesuatu. Adapun ilmu pengetahuan bermula dengan perasaan ingin tahu dan kepastian dimulai dengan ragu-ragu. Ilmu berusaha untuk menambah fakta baharu manakala falsafah pula berusaha menggabungkan fakta-fakta khusus kepada satu kesimpulan. Justeru antara matlamat utama falsafah ilmu adalah untuk mencari kebenaran dari segala fenomena yang ada serta memberikan pengertian tentang cara hidup dan pandangan dunia dan memberikan ajaran tentang moral dan etika yang berguna dalam kehidupan.

Bahagian dua membahaskan berkaitan sejarah perkembangan falsafah ilmu. Bahagian ini membincangkan garis masa sejarah manusia yang terdiri daripada sejarah falsafah barat dan falsafah timur. Falsafah barat dimulai daripada peringkat awal zaman Yunani, zaman paderi, zaman skolastikisme, zaman kebangkitan pemikiran, zaman renaissance, zaman pertengahan, zaman moden dan zaman kontemporari. Penulis membincangkan bagaimana manusia dalam pemikiran barat berkembang dan terkesan dengan pemikiran Yunani sehingga zaman renaissance yang mula diselubungi dengan pemikiran sekularisme.

Manusia mula untuk berusaha membebaskan diri daripada agama yang dianggap seolah-olah mengongkong kebebasan untuk berfikir dan maju ke hadapan. Agama dianggap sebagai candu masyarakat oleh Karl Marx di mana rakyat perlu taat kepada perintah kepimpinan gereja walaupun ianya bertentangan dengan akal manusia. Pemikiran sekularisme ini akhirnya membawa pemikiran barat jauh daripada agama dengan lahirnya pemikiran rasionalisme, positivisme, empirisisme dan lain-lain lagi. Sumber kebenaran bukan lagi tertakluk kepada sumber agama tetapi telah berubah arah kepada sumber manusiawi yang bersifat akli mahupun inderawi. Falsafah moden mempunyai tiga ciri utama iaitu bersifat rasional (menjadi akal sebagai autoriti tertinggi), naturalistik (menjelaskan fenomena luaran dan dalaman tanpa andaian yang bersifat luar biasa) dan berbentuk saintifik.

Zaman seterusnya diikuti pula dengan zaman kontemporari di mana menurut penulis buku ini, falsafah abad ke-20 tidak boleh dilabelkan dengan nama tertentu seperti mana abad sebelumnya kerana tidak dapat dibezakan dengan jelas satu kumpulan falsafah dengan kumpulan yang lain. Sekiranya dilihat daripada konteks arus pemikiran, falsafah pada zaman ini boleh dibahagikan kepada tiga aliran utama iaitu pendukung falsafah Neo-Kantianisme, aliran pragmatisme dan golongan realis (mereka yang mengutamakan sains dan berkeyakinan bahawa falsafah tidak membawa apa-apa kebenaran dan gagal menunjukkan sebarang jalan bagi mencapainya). Perkembangan terakhir falsafah zaman kontemporari adalah dengan munculnya pelbagai aliran baru seperti pasca modenisme. Aliran pemikiran ini menyokong oandangan dunia moden disusun mengikut hukum akal fikiran dan realiti tidak teratur serta tidak bersifat mutlak yang tidak boleh diketahui hakikat kewujudannya.

Adapun perbincangan berkaitan falsafah timur melibatkan falsafah Cina, India dan Islam. Sejarah falsafah Cina umumnya dimulakan dengan zaman klasik dan seterusnya Buddhism, Neo Konfusianisme dan zaman moden. Falsafah Cina menekankan aspek moral manusia serta elemen alam yang mengelilinginya. Tujuan akhir ilmu menurut mereka adalah untuk membentuk keperibadian berpusatkan etika dan bukannya logik atau metafizik. Perkembangan falsafah Hindu pula dibahagikan kepada zaman Veda, Wiracarita, Sutra, Skolastik. Umumnya, falsafah India membawa penganutnya untuk merealisasikan cita-cita dalam agama berdasarkan hukum karma dan samsara. Perbincangan berkaitan perkembangan falsafah Islam pula dibahagikan kepada tiga fasa iaitu tahap penurunan wahyu, penjelasan konsep dan fasa kelahiran struktur konsep keilmuan Islam. Ketepatan dalam memahami sejarah perkembangan falsafah penting untuk membantu seseorang memahami latarbelakang falsafah yang mewarnai pemikiran manusia. Kebenaran sentiasa menjadi buruan manusia di sepanjang kehidupan mereka walaupun tidak semua yang menghargainya.

Bahagian ketiga pula menjelaskan berkaitan perbincangan utama falsafah ilmu yang terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu ontologi ilmu, epistemologi ilmu dan aksiologi ilmu. Perbincangan berkaitan ontologi menjawab persoalan mengenai hakikat ilmu, epistemologi menjawab persoalan kaedah memperolehi ilmu, manakala aksiologi membincangkan lebih kepada nilai ilmu. Menerusi tiga cabang ini, perbincangan berkaitan falsafah ilmu dapat dikupas secara komprehensif dalam memahami intisari perbincangan falsafah ilmu.

Ontologi membahaskan tentang sifat kewujudan serta esensinya. Menurut Sidi Gazalbaba (1992), ontologi mempersoalkan sifat dan keadaan terakhir daripada kenyataan. Ia bertujuan untuk mencari inti yang terkandung serta menjelaskan kewujudan yang meliputi semua realiti dalam semua bentuknya. Ontologi melahirkan beberapa aliran pemikiran seperti nihilisme, agnostisisme, monoisme dan dualisme yang membincangkan tentang kewujudan realiti.

Adapun dalam perbincangan epistemologi, ia berkait rapat dengan perbincangan berkenaan sumber ilmu seperti pancaindera, akal, intuisi dan wahyu yang merupakan sumber asas dalam agama Islam. Namun begitu, apa yang berlaku di dunia Barat adalah ketidakseimbangan terhadap penggunaan sumber-sumber ilmu ini serta penolakan terhadap sumber wahyu. Ia menyebabkan lahirnya aliran-aliran pemikiran yang pelbagai sehingga kebenaran mutlak tidak lagi menjadi matlamat utama ilmunan. Kebenaran mutlak akhirnya menjadi sesuatu yang bersifat relatif dan

subjektif dan tidak lagi mempunyai nilainya yang absah. Kayu ukur kebenaran terletak pada individu untuk menentukannya.

Dalam perbahasan epistemologi pula, perbincangan memfokuskan kepada perbincangan berkaitan sumber ilmu, kebenaran ilmu serta aliran-aliran pemikiran. Epistemologi berasal daripada Bahasa Yunani yang terdiri daripada dua perkataan iaitu episteme dan logos. Episteme bermaksud pengetahuan atau kebenaran makanala logos bermaksud fikiran, kajian atau teori. Epistemologi umumnya bermaksud teori pengetahuan yang benar (*theory of knowledge*). Sekiranya ontologi secara asasnya menjawab persoalan berkaitan ‘apakah hal yang ada itu?’, maka dalam persoalan dasar epistemologi adalah ‘apakah yang dapat saya ketahui?’. Cakupan epistemologi meliputi jawapan kepada pertanyaan apakah ilmu itu, dari mana asalnya ilmu itu, apa sumbernya, apa hakikatnya, apakah batasan pengetahuan manusia. Kesemua persoalan ini dijawab dalam perbahasan epistemologi. Sumber ilmu dalam Islam terdiri daripada empat elemen utama iaitu wahyu, ilham, akal dan pancaindera. Berbeza dengan sumber ilmu dalam aliran pemikiran Barat yang menolak keabsahan wahyu. Daripada wacana epistemologi inilah, lahirnya aliran-aliran pemikiran seperti aliran rasionalisme, empirisisme, positivisme, empirisisme. Aliran-aliran ini lahir hasil daripada perbezaan metod mencerpap dan memperolehi kebenaran berdasarkan sumber-sumber yang berbeza. Antara sumber sesebuah kebenaran dalam aliran-aliran ini adalah seperti akal, pengalaman panca indera dan bukti uji kaji saintifik.

Adapun perbahasan aksiologi memerihalkan tentang konsep etika dan estetika ilmu. Umumnya, aksiologi membincangkan tentang nilai ilmu iaitu berkaitan nilai guna sesuatu ilmu sama ada ianya penting atau tidak penting, baik atau buruk. Setiap manusia mempunyai sistem nilainya yang tersendiri dalam membentuk sikap sama ada baik atau buruk berdasarkan kepada kayu ukur yang wujud dalam kepercayaannya ataupun mengikut kepada kepentingan individu. Secara asasnya, terdapat dua aspek nilai, iaitu nilai yang bersifat kebendaan (*material values*) dan nilai kerohanian (*spiritual values*).

Nilai yang bersifat kebendaan wujud dalam pemikiran hedonisme, utilitarian dan pragmatisme. Hedonisme adalah nilai nikmat dan kelazatan fizikal yang dirasai oleh manusia. Apa sahaja yang membawa kepada kelazatan dan keseronokan diri dianggap sebagai sesuatu kebaikan. Utilitarian pula adalah nilai guna yang merupakan lairan baru kepada hedonisme yang berasaskan prinsip kebahagiaan terbesar bagi jumlah terbesar. Menurut aliran ini baik atau buruk sesuatu perkara itu terletak pada kegunaannya; yang baik adalah yang berguna dan sebaliknya yang buruk adalah perkara yang tidak berguna. Pragmatisme pula merupakan falsafah kemanfaatan dan keberhasilan. Aliran ini menolak sepenuhnya falsafah metafizik yang mengutamakan akibat yang bersifat praktikal sebagai ukuran baik buruk sesuatu perbuatan. Yang benar adalah yang tinggi nilai praktikalnya dan sebaliknya. Seorang pragmatis mementingkan apa yang dapat dibuatnya, faedah dan keuntungannya serta sesuai atau tidak dengan situasi dan realiti.

Adapun nilai kerohanian boleh dibahagikan kepada nilai agama, nilai moral, nilai seni dan nilai ilmu. Nilai agama iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang memberikan ketenangan. Nilai moral pula bersifat bersepadu dengan nilai agama. Namun bagi golongan sekularis mereka mengasingkan antara agama dan moral di mana sumber kepada moral terletak pada individu. Nilai seni pula juga pada asalnya terkait dengan nilai agama namun apabila dipisahkan ianya menyelewang jauh

daripada estetikan yang berasaskan kepada elemen ketuhanan. Begitu juga dengan nilai ilmu, agama adalah ilmu dan ilmu adalah agama. Ia tidak sepatutnya terpisah daripada nilai agama. Perbincangan berkaitan aksiologi juga terkait dengan perbincangan sama ada ilmu itu sarat dengan nilai ataupun ianya bebas daripada nilai. Golongan yang berpendapat ilmu itu sarat dengan nilai merujuk kepada pengaruh agama dan ideologi seseorang terhadap ilmu yang dimilikinya. Seorang ilmuan yang mengkaji dan mengamati objek penyelidikannya berada dalam kerangka kefahaman yang dimilikinya dan sukar untuk dipisahkan. Ilmu itu dipengaruhi oleh tamadun yang membangunkannya contohnya, ilmu sains tabi'i moden dipengaruhi oleh aliran empirisisme dan evolusionisme. Kedua fahaman ini membawa bersamanya keyakinan bahawa kebenaran terletak kepada pengalaman pancaindera atau uji kaji yang bersifat saintifik. Aliran ini juga menolak kebenaran agama sekiranya ianya tidak dapat diuji kaji. Hal ini menunjukkan ilmu itu terkait dengan nilai pegangan dan kepercayaan seseorang.

Adapun pandangan yang menyatakan ilmu bebas nilai bersandarkan kepada hujah bahawa ilmu itu bersifat neutral dan manusia yang akan menentukan ilmu itu berdasarkan tujuan penggunaannya. Ilmu tidak mempunyai nilai baik atau buruk akan tetapi pemilik ilmu yang memberi nilai kepada ilmu tersebut. Fahaman ini dipengaruhi oleh aliran positivism dalam bidang sains di mana ia cuba untuk memisahkan antara fakta dan nilai. Kajian yang objektif bermaksud pengkaji harus menjarakkan dirinya daripada objek yang dikaji atau bersikap tidak memihak. Secara umumnya, terdapat ilmu yang bersifat bebas nilai seperti ilmu sains tabii. Manakala ilmu yang sarat dengan nilai adalah seperti ilmu sosial dan kemanusiaan. Antara yang penting juga dalam perbincangan aksiologi adalah berkaitan dengan ilmu-ilmu yang baik dan ilmu-ilmu yang tercela serta tanggungjawab para ilmuan dalam melestarikan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat.

Bahagian keempat buku ini membincangkan berkaitan gagasan pengislaman ilmu atau apa yang disebut sebagai islamisasi ilmu. Terdapat pelbagai definisi yang berbeza berkaitan islamisasi ilmu. Antaranya adalah menurut Syed Naquib al-Attas (1978) islamisasi ialah 'pembebasan manusia daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu pembebasan akal dan bahasa daripada sekularisme. Definisi ini menjadikan manusia sebagai sasarannya dan bukannya sistem, struktur ataupun organisasi masyarakat. Islamisasi ini memfokuskan kepada perubahan pemikiran dan keilmuan setiap individu Muslim. Manakala al-Faruqi (1989) pula mendefinisikan islamisasi sebagai memberikan definisi baharu, mengatur, menghubungkan data-data, menilai kembali kesimpulan dan mengulangkaji tujuan disiplin ilmu dalam memperkayakan keilmuan Islam. Kepelbagaian definisi ini tidak membawa kepada sebarang masalah atau perpecahan malahan ianya sebenarnya memperkayakan lagi perbincangan dan perbincangan berkaitan islamisasi ilmu yang bertujuan untuk mengintegrasikan dan menyatupadukan ilmu Islam supaya ia kekal relevan dalam dunia hari ini. Kesepaduan yang diperlukan adalah kesepaduan antara falsafah dan agama, falsafah dan ilmu serta kesepaduan antara falsafah, agama dan ilmu.

Bahagian kelima buku ini membahaskan tentang budaya ilmu yang menjadi asas dalam penyuburan ilmu dalam kalangan masyarakat. Pembudayaan ilmu berkait rapat dengan pembinaan tamadun. Bangsa yang mempunyai kekuatan fizikal seperti tenaga ketenteraan yang kuat akan tetapi tidak mempunyai budaya ilmu yang baik akan mudah memeluk dan menganut nilai dan ciri tamadun yang ditaklukinya. Sebaliknya, bangsa yang mempunyai nilai ilmu yang tinggi tidak akan

mudah terpengaruh dengan nilai-nilai bangsa lain. Contohnya, golongan Monggol yang menyerang Baghdad dan menjatuhkan kerajaan Abbasiyah. Mereka memusnahkan sebahagian besar sumber-sumber keilmuan dan ketamadunan Islam. Namun akhirnya mereka memeluk Islam dan melahirkan antara generasi Islam yang terbesar di Turki, China dan Rusia pada hari ini. antara budaya ilmu yang hebat di dunia ini boleh diteladani menerusi budaya ilmu Yunani, Yahudi, China, India, Jepun dan Islam. Setiap budaya ilmu dalam ketamadunan ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri sehingga ianya menjadi asas yang melatari perkembangan tamadun berkenaan. Bahagian akhir buku ini disimpulkan dengan cabaran dan harapan dalam proses pembinaan budaya ilmu. Pembinaan budaya ilmu dalam kalangan individu masyarakat merupakan asas untuk membina kejayaan, kekuatan dan kebahagiaan sesebuah bangsa dan negara. Tanpa pembudayaan ilmu, sesebuah masyarakat tidak akan pernah dapat menjadi bangsa yang maju.

Secara keseluruhan, daripada aspek aturan persembahan perbincangan falsafah ilmu seperti tajuk dan sub-tajuk, didapati ianya telah dilakukan dengan cara yang tersusun seperti penulisan buku falsafah ilmu yang lain. Kelebihan buku ini terletak kepada persembahan yang bersifat sistematik, ringkas tetapi padat. Buku ini sesuai untuk dibaca oleh mereka yang baru berjinak dalam perbincangan falsafah ilmu. Buku ini disusun secara sistematik supaya pembaca dapat memahami setiap elemen dalam perbincangan falsafah ilmu dengan cermat. Selain itu, buku ini juga mengandungi jadual-jadual ringkasan dari perbincangan yang panjang untuk memudahkan pembaca memahami secara ringkas isi-isi penting yang wujud dalam setiap perbincangan. Selain itu, buku ini juga membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji lain dalam bidang falsafah ilmu untuk menghasilkan buku-buku berkaitan bidang ini agar dapat diperkayakan lagi penulisan falsafah dalam usaha untuk membumikan ilmu falsafah dalam masyarakat sejajar dengan matlamat untuk melestarikan kesejahteraan pemikiran masyarakat.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Faruqi, Ismail Raji. 1989. *Islamization of Knowledge: General Principle and Workplan*. Second Edition. Abdul Hamid Abu Sulayman (ed.) Washington: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Sidi Gazalba. 1992. *Sistematika Filsafat: Pengantar kepada Teori Pengetahuan*. Jakarta: Bulan Bintang.

Nurhanisah Senin

Jabatan Dakwah dan Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor